



Yesus memberi makna dan tujuan kepada penglihatan Yesaya dengan memberitahu kita bahawa kita harus menjadi garam dunia dan terang dunia. Dia menyatakan identiti kita di dalam Dia. Terang yang kita pancarkan melalui-Nya tidak boleh disembunyikan, ia mesti kelihatan seperti kota yang terletak di atas gunung. Kebaikan yang kita lakukan seperti yang dinubuatkan oleh Yesaya ialah bagaimana terang ini bersinar. Dan apakah niat utama semua ini? Ia adalah untuk memuliakan Bapa di syurga.

Dalam usaha untuk memupuk inklusiviti atau keterangkuman dan mengukuhkan hubungan, bagaimana bacaan ini mencabar kita?

Ayat Suci Minggu ini

Yesaya 58: 7-10
Mazmur 111: 4-9
1 Korintus 2: 1-5
Matius 5: 13-16



Sebuah gereja yang benar-benar 'garam' berfungsi untuk memelihara maruah setiap manusia, memastikan tiada siapa yang dilupakan. Anggota-anggotanya saling mendukung antara sesama. **Gereja yang benar-benar 'terang' tidak menyembunyikan pelitanya di bawah gantang, tidak hanya terdiri daripada umat yang berpandangan ke dalam, tetapi merupakan sebuah gereja dengan pandangan misionari** yang terlibat dalam kerja-kerja yang dibayangkan oleh Yesaya dalam bacaan pertama. Pendek kata, menjadi anggota Gereja adalah menjadi orang yang bergabung tenaga untuk membina jambatan kesatuan. Mereka ini kemudian dengan setiap anggota, membina Tubuh Kristus dalam misi kasih yang dikongsi bersama.

Santo Paulus menambah kepada daya hidup bagaimana membina Tubuh Kristus. *Bahawa setiap anggota tubuh datang, memberitakan misteri Kristus, bukan dengan kata-kata yang mulia atau hikmat. Bahawa kita mesti memutuskan untuk tidak mengetahui apa-apa di antara kamu, selain Yesus Kristus, iaitu Dia yang disalibkan.*

Itu benar-benar dengan pernyataan Roh dan kuasa, supaya iman kita tidak bergantung pada hikmat manusia tetapi pada kuasa Allah.

Kasih Allah itulah yang mengikat kita. Terang-Nyalah yang menjadikan kita kelihatan. Apabila kita komited untuk membina Tubuh-Nya, ia adalah perjalanan inklusiviti dan keterangkuman dan pembinaan hubungan. *Orang yang benar adalah terang dalam kegelapan bagi yang adil.* Setiap anggota Tubuh dikira. ✚

Menjawab keperluan misi baharu memerlukan keterbukaan kepada bentuk tindakan pastoral baharu yang mengambil kira mobiliti orang dan ruang di mana kehidupan mereka terbentang.

Dokumen Akhir No. 117

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 06/2026

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Biasa Ke-5 | 08 Februari 2026

HARI DOA DAN KESEDARAN ANTARABANGSA TERHADAP PEMERDAGANGAN MANUSIA

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN:

GEREJA : Memupuk Inklusiviti

Orang Yang Benar Adalah Terang Dalam Kegelapan Bagi Yang Adil

Hari ini, bacaan bercakap secara khusus kepada setiap individu, dan kepada kita sebagai Gereja. *Orang yang benar adalah terang dalam kegelapan bagi yang adil* apabila hidupnya selaras dengan hati Yesus. Pemazmur merumuskan semuanya, tentang lelaki yang adil ini. Seseorang yang hidup menurut jalan keberkatan Sabda Bahagia, khotbah Yesus di atas Bukit yang kita renungkan minggu lalu.